

<b>Publication</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Section/Page No.</b>	
<b>Date</b>	<b>Selasa, 30 Ogos 2022</b>	<b>Lead Article</b>	
<b>Headline</b>	<b>230,000 Ahli NUTP Kini Dilindungi Skim Kemalangan Takaful Percuma</b>		

## 230,000 ahli NUTP dilindungi skim kemalangan takaful percuma



AMINUDDIN Awang (dua kiri) bersama Nor Azman Zainal (dua kanan) bergambar selepas menandatangani MoU antara NUTP dengan Syarikat Takaful Malaysia di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Lebih 230,000 ahli Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) dilindungi skim perlindungan takaful kemalangan secara percuma yang boleh memberi manfaat sehingga RM100,000 bermula 1 September ini.

Perlindungan terbaharu itu diperoleh hasil kerjasama dan memorandum persefahaman (MoU) antara NUTP dengan Syarikat Takaful Malaysia (Takaful Malaysia) yang dimeterai hari ini.

Presiden NUTP, Aminuddin Awang berkata, pihaknya memperuntukkan RM2.3 juta setahun bagi bayaran premium skim berkenaan sekali gus memberi perlindungan kepada ahlinya sekiranya berlaku kemalangan.

Beliau berkata, sebelum ini, NUTP menyediakan pelbagai skim insurans bagi perlindungan perubatan dan kemalangan namun, skim kalin ini ditawarkan secara percuma.

“Setiap ahli layak mendapat kemudahan perlindungan tersebut dengan hanya bayaran yuran keahlian kepada NUTP RM10 sebulan.

“Kita berharap skim ini dapat menarik minat guru-guru lain untuk menyertai NUTP dan kami menasakani untuk meningkatkan keahlian kepada 300,000 ahli pada masa depan daripada keseluruhan 430,000 guru di seluruh negara,” katanya ketika ditemui pada majlis menandatangani MoU antara NUTP dan Takaful Am Malaysia, di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Takaful Malaysia Am Sdn Bhd, Mohamed Sabri Ramli berkata, pelan perlindungan itu secara tidak langsung dapat membantu ahli NUTP meringankan beban keluarga atau ahli keluarga mereka yang ditimpa kemalangan.

“Skim baharu kami kini mempunyai spesifikasi penambahbaikan yang mana kini kita menawarkan perlindungan kematian, keilangan kekal (permanent disablement), Indemniti berganda (double Indemnity) sekiranya kematian atau keilangan kekal berlaku semasa menaiki kenderaan awam.

“Selain itu, skim ini juga memberikan faedah elaun tunai harian dan khairat kematian sebagai matlamat tambahan,” katanya.- [UTUSAN](#)